

02 JANUARI 2019(RABU)

Hari pertama bebas rokok

300 pelanggan datang tidak langgar arahan larangan merokok.

KUANTAN

Hari pertama melewati pelaksanaan perintah larangan merokok di kedai makan seluruh negara mendapati pelanggan dan orang ramai di daerah ini mempunyai kesedaran yang tinggi.

Tinjauan dilakukan di beberapa lokasi dan premis makanan antaranya restoran mamak, kompleks membeli belah dan medan selera.

Sekitar jam 8 pagi, lokasi pertama dituju adalah Medan Selera Serambi Teruntum yang terletak di Tanjung Lumpur, di sini.

Sejak awal dibuka sehingga kira-kira jam 2.30 petang, lebih 300 pengunjung keluar masuk ke medan tersebut tanpa seorang pun kelihatan merokok di kawasan awam.

Pekerja gerai Calong Serambi, Shahrul Adha Rosli, 26, mengakui



Tinjauan di Serambi Teruntum sekitar jam 8 pagi hingga 1.30 petang semalam mendapati tiada pelanggan yang merokok di premis itu.

tiada pengunjung dilihat merokok.

"Mungkin kerana hari siang, tapi sepanjang saya bekerja di sini, memang sentiasa ada pengunjung yang merokok di meja luar.

"Hari ini (semalam) ada kelainannya kerana sejak pagi, tiada seorang pun yang dilihat merokok. Larangan oleh Kementerian Kesihatan memang beri kesan terhadap sikap pengunjung dan pelanggan di sini.

"Saya puji usaha kerajaan dan saya hargai juga pengunjung dan

pelanggan yang beri kerjasama baik. Semoga amalan ini berkekalan," katanya.

Medan selera yang menempatkan barisan enam kedai makan itu menjual pelbagai juadah antaranya dan mihun calong serta gerai Rezeki Bonda yang menyediakan masakan panas.

Menurutnya, pada hari cuti umum, pelanggan yang hadir melebihi 1,000 orang sehari, bermula jam

8 pagi hingga 3 petang dan terdapat juga gerai beroperasi sehingga jam 10 malam.

Sementara itu, situasi sama turut dilihat di beberapa kedai mamak yang menjual menu nasi beriyani terkenal di daerah ini.

Tiada seorang pelanggan didapati menghisap rokok secara terbuka di situ sekitar jam 2.30 hingga 3.30 petang.

Pemilik Restoran Langkah Kanan, Hanum Hidayah Kamarudin, 34, berkata, penguatkuasaan larangan merokok mewujudkan persekitaran sihat dan selesa di kedai makan.

"Di kedai saya, majoriti pelanggan lelaki adalah perokok dan selepas makan ada yang borak-borak sambil hisap rokok. Ini sedikit sebanyak mengganggu pelanggan lain yang tak merokok.

"Semasa kerajaan menguatkuasakan arahan denda merokok di kedai makan tu saya lihat tak selesai masalah pun. Pelanggan tak endah dan tak faham bila kita kata tak boleh merokok. Diharapkan pelaksanaan kali ini lebih tegas dan menyeluruh," katanya.

)